# PERKAMUSAN CINA – SATU PENDEKATAN BARU

oleh

Emillia Arifin*

Sistem penyusunan perkataan Cina mempunyai beberapa cara. Di antaranya terdapat dua sistem yang digunakan dengan luasnya: 1. Sistem Radikal, dan 2. Sistem Numerical (Wang Four corners system).

1. Sistem Radikal adalah satu sistem tradisional di mana susunan perkataan Cina berasaskan pada radikal dan bilangan strok. Setiap perkataan mengandungi satu daripada 214 radikal dan radikal ini mempunyai peraturan yang tetap. Ini membolehkan penyusunan perkataan kepada beberapa kelas mengikut radikal-radikal perkataan. Oleh kerana setiap kelas radikal mengandungi beberapa ratus perkataan, perkataan ini disusun pula mengikut bilangan strok dalam bahagian bukan radikal. Sekiranya ada perkataan yang mengandungi radikal yang sama dan mempunyai bilangan strok yang sama dari bahagian bukan radikal, maka perkataan ini selanjutnya disusun pula mengikut radikal yang terdapat dari bahagian bukan radikal atau separuh radikal.

2. Sistem 4 penjuru ini adalah sistem susunan angka 4 penjuru di mana 5 angka ini dicipta mengikut kategori strok yang terdapat di setiap penjuru, bermula dengan penjuru kiri di bahagian atas, kanan di bahagian atas, kiri di bahagian bawah, kanan di bahagian bawah dan penjuru tambahan di atas penjuru kanan di bahagian bawah. Pengasas, Wang Yu-wu, membahagikan jenis-jenis strok yang terdapat di penjuru perkataan kepada 10 kumpulan, iaitu 0 hingga 9.

Sistem 4 Penjuru Wang

| No. | Bentuk Strok | Contoh |
|---|---|---|
| 0 | 亠 | 言主广疒 |
| 1 | 一 ノ 乚 ㇏ | 天土地汪衣風 |
| 2 | 丨 丿 亅 | 山月チ則 |
| 3 | 丶 乀 | 宇祈 冖 ム 之衣 |
| 4 | 十 乂 | 草杏皮刈大 |
| 5 | 扌 | 扌戈甲史 |
| 6 | 口 | 國鳴目甲由 |
| 7 | ㄱ 厂 ⊥ ㄴ ㇇ | 羽門灰雪學 |
| 8 | 八 丷 人 𠂉 | 分頁羊余灰 |
| 9 | 小 ⺌ ⺍ 个 忄 | 尖系粦杲惟 |

Sebagai satu pendekatan baru, sebuah kamus baru telah dicipta:

Chou Hsu-ching ed. Dah Shuenn Mandarin Dictionary. Dah Shuenn Kuo-yu tzu-tien ( 大順國語辭典 )

Taipei, Culture Foundation of Dah Shuenn, 1981. (No. Kelas: R5179 7220)

Kamus ini merupakan satu jenis kamus yang agak berlainan di mana ianya dapat mudah digunakan dan mempunyai sistem indeks cepat (quick index system) dalam pencarian perkataan-perkataan Cina. Sila lihat di bawah ini:

| No. | Indeks susunan strok<br>Susunan strok | Contoh |
|---|---|---|
| 1 | 一 | 一上七 |
| 2 | 丨 | 國而五 |
| 3 | 丶 | 之火斗洪冬 |
| 4 | 丿 | 人周手大入丈希珍 |

*Bahagian Koleksi Cina, Perpustakaan Universiti Malaya.

| | | |
|---|---|---|
| 5 | ㇕ | 盡因通穴水小猛凸刀凡乙乃 |
| 6 | ㇜ | 能系匡匹民戈心孔亞弓 |

Tiap-tiap perkataan mempunyai nombornya sendiri. Untuk mendapatkan nombor-nombor tersebut, kita harus rujuk kepada daftar di atas ini. Terlebih dahulu kita harus mengetahui susunan strok Cina. Ini akan membolehkan kita mendapatkan nombor yang tersusun betul dan juga supaya membolehkan angka-angka tersebut digunakan kepada strok.

Untuk mendapatkan nombor-nombor perkataan, sila lihat contoh di bawah:

| Contoh (I) 7 strok = 7 angka | | 8 strok = 8 angka | |
|---|---|---|---|
| A. 玕 = | 1124112 | B. 社 = | 1124121 |
| 一 | 1 | 一 | 1 |
| 二 | 1 | 二 | 1 |
| 干 | 2 | 丅 | 2 |
| 王 | 4 | 礻 | 4 |
| 王 | 1 | 礻 | 2 |
| 王 | 1 | 礻 | 1 |
| 玕 | 2 | 社 | 2 |
| | | 社 | 1 |

| Contoh (II) 8 strok = 8 angka | | 7 strok = 7 angka | |
|---|---|---|---|
| A. * 佬 = | 42121446 | B. 佉 = | 4212163 |
| 丿 | 4 | 丿 | 4 |
| 亻 | 2 | 亻 | 2 |
| 亻 | 1 | 亻 | 1 |
| 什 | 2 | 什 | 2 |
| 仕 | 1 | 仕 | 1 |
| 佬 | 4 | 佉 | 6 |
| 佬 | 4 | 佉 | 3 |
| 佬 | 6 | | |

*A & B mempunyai 5 strok yang sama, iaitu: 仕 = 42121. Perkataan 佬 = 42121446 adalah lebih kecil nilai kiraan daripada 佉 = 4212163, oleh itu perkataan 佬 disusun sebelum perkataan 佉

| Contoh (III) 5 strok = 5 angka | | 6 strok = 6 angka | |
|---|---|---|---|
| A. 白 = | 32511 | B. 自 = | 325111 |
| 丿 | 3 | 丶 | 3 |
| 丨 | 2 | 丨 | 2 |
| 冂 | 5 | 冂 | 5 |
| 白 | 1 | 冂 | 1 |
| 白 | 1 | 自 | 1 |
| | | 自 | 1 |

Perkataan 白 = 32511 adalah lebih kecil nilai kiraan daripada 自 = 325111, oleh itu perkataan 白 = 32511 disusun sebelum perkataan 自

Keistimewaan yang terdapat dalam kamus ini ialah ia dapat menunjukkan bilangan dan peraturan strok yang diperlukan dalam sesuatu perkataan.